



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2016**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1 & KERTAS 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat yang terkandung dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh diterbitkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 28 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

**Kertas 2**  
**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi – **20** markah
- (b) Bahasa – **10** markah
  
- (a) **Isi [20 markah]**

**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>		<b>Markah</b>										<b>Markah</b>
(i)	Pendahuluan											2
(ii)	Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii)	Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)	Penutup / Kesimpulan											2
		<b>Jumlah markah</b>										20

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda baca / ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda baca / ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan sebab-sebab / punca-punca yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya kepada masyarakat / pengguna di seluruh dunia / Asia.	2
Rumusan ini membincangkan sebab-sebab / punca-punca yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya dan peranan persatuan pengguna dalam menangani isu tersebut.	2
Petikan membincangkan sebab-sebab / punca-punca yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya dan tindakan untuk memastikan produk makanan tambahan dihasilkan dalam keadaan selamat.	2
Petikan membincangkan sebab-sebab / punca-punca yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya.	1
Petikan membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya kepada pengguna di negara kita.	0

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

- Punca-punca yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya.

S1 Label tidak mempunyai arahan penggunaan yang lengkap.	2
S2 Mengandungi bahan yang belum dinilai atau diuji.	2
S3 Pencemaran bahan logam berat banyak didapati dalam herba.	2
S4 Pencemaran berlaku secara tidak sengaja melalui proses pembuatan yang menggunakan mesin logam yang tidak berkualiti.	2
S5 Penambahan secara sengaja seperti merkuri sulfida, arsenik sulfida dan arsenik trioksida yang diamalkan dalam perubatan ayurveda dan perubatan dari China.	2
S6 Pengguna yang mengambilnya tanpa mendapatkan khidmat nasihat dan pengawasan daripada doktor.	2
S7 Suhu dan kelembapan yang tinggi di kawasan tropika dan subtropika menyumbang kepada pertumbuhan kulat dan penghasilan mikotoksin kepada produk herba.	2
S8 Pemalsuan produk makanan bagi tujuan meraih keuntungan.	2
S9 Mempunyai komponen kimia yang tidak dilabel.	2

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**

- Peranan persatuan pengguna dalam menangani isu tersebut.

- |    |   |   |
|----|---|---|
| T1 | Memberikan pendedahan kepada pengguna / majalah persatuan pengguna / hebahan menggunakan media sosial / kempen kesedaran. | 2 |
| T2 | Membuat laporan kepada Kementerian Kesihatan.   | 2 |
| T3 | Membuat serbuan ke kilang / kedai bersama-sama pihak berkuasa.  | 2 |
| T4 | Membuat ujian makmal untuk memastikan produk selamat.   | 2 |
| T5 | Memastikan produk mendapat kelulusan sebelum dipasarkan.  | 2 |
| T6 | Menggalakkan pengguna mengamalkan gaya hidup sihat tanpa makanan tambahan.  | 2 |
| T7 | Mendesak kerajaan menguatkuasakan undang-undang.  | 2 |

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**Penutup**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, pengguna perlu berfikir dengan mendalam sebelum menggunakan makanan kesihatan tambahan agar mereka tidak terus tertipu. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, kerajaan harus memantau pengeluaran makanan kesihatan tambahan supaya kesihatan masyarakat kita terpelihara.            | 2 |
| K3 | Kesimpulannya, kita mestilah berhati-hati memilih makanan kesihatan tambahan demi kesejahteraan dalam kehidupan.                       | 2 |

**Soalan 2**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a)	:	9 markah
Soalan 2 (b)	:	9 markah
Soalan 2 (c)	:	8 markah
Soalan 2 (d)	:	9 markah

**Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

## 1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

## 2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

## 3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan, ayat tidak gramatis	0

**Soalan 2 (a) : Petikan Umum****(i) Maksud *khasiat* yang menakjubkan**

- Faedah / kebaikan / manfaat yang mengagumkan 2
- Faedah / kebaikan / manfaat yang menakjubkan 1
- Khasiat yang mengagumkan 1

**[Maksimum : 2 markah]****(ii) Tindakan-tindakan untuk memastikan produk makanan tambahan dihasilkan dalam keadaan selamat. (Isi cukup – 2)**

- P1 Pihak pengeluar menggunakan mesin logam yang disahkan selamat.
- P2 Pihak pengeluar tidak menambah bahan-bahan kimia tertentu dalam produk perubatan yang dihasilkan.
- P3 Keadaan pemprosesan dan penyimpanan yang sesuai bagi bahan mentah.

**[Maksimum: 3 markah]****(iii) Cadangan isi – Punca (Isi cukup – 3)**

- P1 Mudah terpengaruh oleh promosi / iklan / testimoni.
- P2 Tiada pengetahuan tentang kandungan bahan / kesan sampingan produk.
- P3 Ingin memperoleh kulit yang cantik / berbadan langsing dengan cepat.
- P4 Kepercayaan yang tinggi terhadap makanan kesihatan tambahan yang diadun dengan ubat-ubatan tradisional / herba.
- P5 Tahap pendidikan yang rendah.

**[Maksimum: 4 markah]****\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Soalan 2 (b) : Petikan Prosa Moden**

(i) Sebab Profesor Doktor Juaidi bersungguh-sungguh :

- Tuan Besar Musa banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit mereka 1
- Tuan Besar Musa seorang dermawan yang prihatin 1
- Mereka banyak terhutang budi kepadanya 1
- Tuan Besar Musa menaja makan malam tahunan mereka beratus-ratus ribu \*1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Pendapat :

- memperhebat kempen kesedaran tentang kepentingan derma darah 1
- pihak sekolah memberi didikan kepada murid tentang manfaat derma darah kepada pihak yang memerlukan 1
- media massa menyiaran program atau rencana yang berkaitan dengan kebaikan derma darah 1
- memberi keistimewaan rawatan kesihatan kepada penderma darah / memberi penghargaan kepada penderma darah 1
- memberi keistimewaan rawatan kesihatan kepada penderma darah 1

[Maksimum : 3 markah]

\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

## (iii) Satu pengajaran dalam petikan

- Kita mestilah cakna terhadap golongan yang memerlukan bantuan. 1  
Cth : Nusia cakna terhadap pesakit-pesakitnya yang sangat memerlukan darah. 1
- Kita hendaklah bertindak adil dalam sesuatu perkara. 1  
Cth : Nusia tidak puas hati terhadap Profesor Doktor Juaidi yang tidak berlaku adil kepada pesakitnya. 1
- Kita haruslah menghargai budi seseorang. 1  
Cth : Profesor Doktor Juaidi sangat menghargai budi Tuan Besar Musa dan berusaha memberi rawatan terbaik kepadanya. 1
- Kita mestilah bertindak dengan bijak untuk menyelesaikan sesuatu masalah. 1  
Cth : Profesor Doktor Juaidi meminta Doktor Murni menghubungi hospital lain bagi mendapatkan bekalan darah untuk mengisi tabung darah di hospitalnya yang kehabisan stok. 1

## Satu pengajaran dalam cerpen

- Kita mestilah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. 1  
Cth : Nusia dengan penuh tanggungjawab telah memasukkan gelafundin ke dalam salur darah Solehah untuk menyelamatkannya. 1
- Kita mestilah bersedia menderma darah demi menyelamatkan nyawa insan yang memerlukan. 1  
Cth : Nusia dan Doktor Murni telah menderma darah di bank darah hospital itu bagi menampung keperluan bekalan darah yang tidak mencukupi untuk kegunaan pesakit. 1
- Kita hendaklah memiliki nilai kemanusiaan yang tinggi dalam diri. 1  
Cth : Doktor Murni meletakkan jawatannya di hospital itu kerana hospital tersebut telah mengetepikan nilai kemanusiaan kepada pesakit. 1
- Kita hendaklah saling menyayangi sesama insan. 1  
Cth : Nusia menyayangi pesakitnya dan berusaha memberikan khidmat rawatan yang terbaik kepada mereka. 1

**[Maksimum : 4 markah]**

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional****(i) Maksud :**

- semuanya / segalanya diberitahu / diceriterakan / dikisahkan 2
- dikisahkan / disampaikan dari mula / awal hingga akhir 2
- semuanya / segalanya diceritakan 1

**[Maksimum : 2 markah]****(ii) Reaksi Kertala Sari :**

- sangat / terlalu / amat marah 1
- berazam mahu menuntut bela 1
- menuduh Sultan Melaka dan Laksamana kurang ajar 1
- akan memusnahkan negeri Melaka 1
- jika dia tidak bertindak, dia bukanlah anak penjurit yang berani dan kepetangan. 1

**[Maksimum : 3 markah]****(iii) Alasan wajar**

- kerana yang meninggal dunia itu ialah ayah Kertala Sari 1
- kerana dia tidak mahu disalahkan oleh anaknya 1
- kerana dia mahu anaknya tahu perkara yang sebenarnya berlaku 1
- supaya anaknya dapat melakukan sesuatu tindakan 1

**[Maksimum : 3 markah]****\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**Soalan 2 (d) : Gurindam****(i) Kebaikan :**

- tidak melakukan perkara yang menyalahi hukum agama / undang-undang 1
- tidak mengambil hak orang lain / yang bukan haknya 1
- tidak pergi ke tempat-tempat yang dilarang / tempat maksiat 1
- tidak terjebak dalam kegiatan yang negatif / perkara keji 1
- sentiasa menggunakan tangan dan kakinya untuk kebaikan 1

**(ii) Kesan tidak menjaga pertuturan :**

- menimbulkan perbalahan / permusuhan / persengketaan / pergaduhan 1
- merosakkan / memutuskan hubungan / silaturahim 1
- dibenci / dimusuhi oleh orang lain 1
- kekurangan / ketiadaan kawan 1

**[Maksimum : 3 markah]****\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)****(iii) Dua persoalan :**

- Kepentingan menjaga pancaindera – diri disayangi dan dihormati. 2
- Berhati-hati apabila menggunakan pancaindera – dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam kegiatan tidak bermoral. 2
- Akibat melakukan sesuatu secara keterlaluan – sikap keterlaluan akan mengundang pelbagai keburukan. 2
- Tanggungjawab mengelakkan diri daripada musibah / perkara keji – dapat hidup dalam keadaan aman dan mampu menjaga maruah diri dan keluarga. 2

**[Maksimum : 4 markah]****\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Soalan 3**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada :

- Soalan 3 (a) : **6** markah  
Soalan 3 (b) : **6** markah  
Soalan 3 (c) : **6** markah  
Soalan 3 (d) : **6** markah  
Soalan 3 (e) : **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 3 (a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi ayat tersebut.

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Jawapan 3 (a)**

- (i) hakisan : perihal menjadi terhakis
- (ii) habitat : tempat haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup secara semula jadi
- (iii) pencemaran : perbuatan mencemarkan (mengotorkan), pengotoran
- (iv) pemanasan : perihal memanas (memanaskan)
- (v) kelestarian : keadaan (hutan, persekitaran, dll) yang tidak berubah atau terpelihara seperti asal, keaslian
- (vi) ekosistem : sistem yang melibatkan interaksi antara suatu komuniti (haiwan, tumbuhan, dsb) dengan alam persekitarannya yang tidak bernyawa.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawapan 3 (b)**

- (i) Surat perjanjian jual beli rumah itu perlu kamu baca dengan teliti sebelum menandatanganinya.

Sebelum menandatanganinya, surat perjanjian jual beli rumah itu perlu kamu baca dengan teliti.

Perlu kamu baca dengan teliti surat perjanjian jual beli rumah itu, sebelum menandatanganinya.

Perlu kamu baca surat perjanjian jual beli rumah itu dengan teliti, sebelum menandatanganinya.

- (ii) Beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan untuk membantu pengusaha industri kecil dan sederhana.

Untuk membantu pengusaha industri kecil dan sederhana, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan.

- (iii) Peralatan yang perlu dibawa untuk menyertai perkhemahan perdana itu telah kami senaraikan.

Telah kami senaraikan peralatan yang perlu dibawa untuk menyertai perkhemahan perdana itu.

**[Maksimum: 6 markah]**

**Jawapan 3 (c)**

- |                             |   |             |
|-----------------------------|---|-------------|
| (i) mengemari<br>taugeh     | : | menggemari  |
|                             | : | tauge       |
| (ii) pembandaran<br>lanskap | : | perbandaran |
|                             | : | landskap    |
| (iii) Hirarki<br>menyedari  | : | Hierarki    |
|                             | : | menyedarkan |

**[Maksimum : 6 markah]****Jawapan 3 (d)**

- |                                   |   |             |
|-----------------------------------|---|-------------|
| (i) Gender<br>mengisahkan tentang | : | Genre       |
|                                   | : | mengisahkan |
| (ii) Penyulingan<br>dari          | : | Penyaringan |
|                                   | : | daripada    |
| (iii) penyuraian<br>adalah        | : | kecemasan   |
|                                   | : | ialah       |

**[Maksimum : 6 markah]****Jawapan 3 (e)**

- (i) batu penghalang
- (ii) mencari jalan / mencari akal

**Catatan :** memerah otak – tidak diterima

- (iii) menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak / memalu ular dalam benih, ular biar mati, benih jangan rosak / bagai menghela tali jala, rasa tegang dikendurkan, rasa kendur ditegangkan

**[Maksimum : 6 markah]**

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- 4 (a) i) Jawapan mesti berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.  
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
 iii) Jawapan mesti meliputi pernyataan dan huraiian.  
 iv) Berikan 1 markah untuk pernyataan dan 1 markah untuk huraiian yang lengkap / jelas.  
 v) Berikan 0 markah untuk huraiian yang tidak lengkap / tidak jelas.  
 vi) Huraian tanpa pernyataan 0 markah.  
 vii) Markah bagi 2 isi yang lengkap dengan huraiian – maksimum 4 markah.  
 viii) Maksimum markah bahasa 3 markah.  
 ix) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti yang berikut :

Baik	:	3 markah
Sederhana	:	2 markah
Lemah	:	1 markah

- x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
 xi) Calon tidak menjawab, 0 markah.  
 xii) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.  
 xiii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti yang berikut :  
 Contoh :

I = 4

B = 37**[Maksimum : 7 markah]****[Lihat halaman sebelah****SULIT**

- 4 (b)
- i) Jawapan mesti berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
  - iii) Beri 1 markah untuk 1 isi (**persoalan**) bagi setiap novel dan 2 markah untuk contoh / huraihan.
  - iv) Isi (**persoalan**) tanpa contoh / huraihan – 1 markah.
  - v) Contoh / huraihan tanpa pernyataan **persoalan** – 0 markah.
  - vi) Markah bagi 2 isi yang lengkap dengan contoh / huraihan – maksimum 6 markah.
  - vii) Maksimum markah bahasa 2 markah. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.
  - viii) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti yang berikut :
    - Baik : 2 markah
    - Lemah : 1 markah
  - ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, berikan 1 markah untuk bahasa.
  - x) Calon tidak menjawab, 0 markah.
  - xi) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.
  - xii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti yang berikut :  
Contoh :

I = 6

B = 2

  8

[Maksimum : 8 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 4 (a)****Novel Lefthenan Adnan Wira Bangsa**

Watak utama dalam novel Lefthenan Adnan Wira Bangsa ialah Adnan bin Saidi. Perwatakannya ialah :

- i. **Seorang yang berani** (1m)

Contoh : Lefthenan Adnan berani berjuang menentang tentera Jepun hingga ke titisan darah terakhir walaupun tanpa senjata. (2m)

- ii. **Seorang yang bijaksana** (1m)

Contoh : Lefthenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera Sikh yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang. Kesemua tentera itu berjaya dibunuh dan beliau mendapat pujian daripada Jeneral A.E. Percival. (2m)

- iii. **Seorang yang patriotik** (1m)

Contoh : Lefthenan Adnan sanggup menggadaikan nyawa untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh. (2m)

- iv. **Seorang yang rajin** (1m)

Contoh : Sewaktu kanak-kanak, Lefthenan Adnan sudah memiliki sifat rajin apabila dia sering membantu ayahnya menoreh getah dan bekerja di sawah pada setiap pagi walaupun ketika itu dia hanya berusia 10 tahun. (2m)

- v. **Seorang yang penyayang** (1m)

Contoh : Lefthenan Adnan membawa isteri dan anak-anaknya berpindah ke Singapura tetapi apabila ada ura-ura Jepun akan menyerang Singapura, beliau menghantar mereka pulang ke kampung demi keselamatan mereka. (2m)

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

**Soalan 4 (a)****Novel Tirani**

Watak utama dalam novel Tirani ialah Waheeda Nurlyana.

Perwatakannya ialah :

**i. Seorang yang berkeyakinan tinggi**

(1m)

Contoh : Waheeda sangat yakin akan kemampuan dirinya dalam memajukan Tajau Emas. Sebaik sahaja dia tamat belajar, dia telah membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak. Baginya, mereka tidak akan menemukan sesuatu jika tidak mencari sesuatu. (2m)

**ii. Seorang yang bijak merancang**

(1m)

Contoh : Dalam menguruskan inap desa keluarganya, Waheeda dapat merancang dan menyusun jadual program-program yang dapat menaikkan nama inap desa tersebut sehingga syarikat Tajau Emas berjaya dan terkenal serta menjadi tumpuan para pelancong dari dalam dan dari luar negara. (2m)

**iii. Seorang yang obses terhadap kecantikan**

(1m)

Contoh : Waheeda berkali-kali memujuk ibunya agar membentarkan dirinya melakukan pembedahan kosmetik kerana menganggap wajahnya tidak komersial. Dia ingin kelihatan cantik, anggun dan bergaya seiring dengan kejayaannya memajukan inap desa keluarganya yang semakin terkenal. (2m)

**iv. Seorang yang pandai mengambil peluang**

(1m)

Contoh : Setiap kali pelancong dari luar negara datang berkunjung, Waheeda akan mengambil peluang tersebut dengan bersungguh-sungguh mempromosikan Tajau Emas untuk menaikkan nama inap desa keluarganya sehinggalah perusahaan inap desa keluarganya itu berjaya dan terkenal. (2m)

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 4 (b)**

Persoalan yang menunjukkan **persamaan** dalam dua buah novel :

**Persoalan tentang tanggungjawab terhadap keluarga** (1m)

**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa :**

Leftenan Adnan menjalankan tanggungjawabnya sebagai anak terhadap kedua-dua ibu bapanya. Dia bertanggungjawab membantu ibu bapanya mencari nafkah sejak kecil. Misalnya, dia membantu ayahnya berkebun dan menoreh getah setiap kali ada masa terluang.

(2m)

**Novel Tirani :**

Waheeda dan Ghazi bertanggungjawab membantu kedua-dua ibu bapanya membangun dan memajukan syarikat inap desa mereka yang dinamakan Tajau Emas. Sebaik tamat pengajian, Waheeda terus bekerja dengan syarikat keluarga mereka manakala abangnya Ghazi sanggup meletak jawatan sebagai Jurutera Petronas semata-mata mahu membantu memajukan syarikat keluarga mereka.

(2m)

**Persoalan tentang kepentingan ilmu pengetahuan** (1m)

**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa :**

Pak Saidi sangat mementingkan ilmu pengetahuan menyebabkan dia rajin membaca buku. Oleh sebab itu, dia banyak memperoleh ilmu pengetahuan dan mengetahui perkembangan tentang dunia luar yang berkaitan dengan isu-isu semasa tanah air dan agenda penjajah. Pak Saidi juga dapat menceritakan sejarah tanah air dan menyampaikan perkembangan semasa tanah air kepada penduduk kampung. Dia juga menghantar anaknya Adnan belajar di sekolah Inggeris kerana mahu anaknya menimba ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

(2m)

**Novel Tirani :**

Pak Fadhil, seorang pesara guru dan Pn. Raidah amat mementingkan ilmu pengetahuan terhadap anak-anaknya. Mereka telah menghantar anak-anak mereka belajar hingga ke universiti. Misalnya, Waheeda berkelulusan ijazah sarjana muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan dan Pelancongan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai. Abangnya Ghazi pula belajar dalam bidang kejuruteraan sehingga melayakkannya menjadi seorang Jurutera Petronas di Miri, Sarawak.

(2m)

Persoalan tentang kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak

(1m)

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa :

Dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa, persoalan kasih sayang ini ditunjukkan oleh watak Mak Milah dan Pak Saidi yang menyayangi anak-anaknya. Mereka telah mendidik anak-anak mereka dengan kasih sayang. Semua anaknya diberikan pendidikan agama, ilmu kepahlawanan dan pendidikan Inggeris. Mereka berharap agar anak-anak mereka menjadi anak-anak yang berilmu dan berguna kepada bangsa dan negara.

(2m)

Novel Tirani :

Manakala dalam novel Tirani pula, persoalan kasih sayang ini ditunjukkan oleh Raidah, iaitu ibu kepada Waheeda. Beliau sentiasa berada di sisi Waheeda ketika Waheeda memerlukan kekuatan dan kasih sayang. Misalnya, beliau sanggup terbang ke Singapura semata-mata untuk menemani dan memberi semangat kepada Waheeda semasa anaknya itu menjalani pembedahan mata dan hidung. Raidah juga sanggup menemani Waheeda ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusrawi Kuala Lumpur.

(2m)

**\*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

#### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT